

Jadi Apa Aku

Mahu jadi apa aku?

Mama bilang: jadilah karyawan berjaya
yang kaya harta - punya takhta punya upaya
biar selesa hidup di dunia
boleh mama tumpang bahagia ..

Hendak jadi apa aku?

Papa bilang: jadilah jasawan berwibawa
yang bijak laksana - punya karsa punya jiwa
biar terbilang waktu orang dibilang
boleh papa tumpang kejulang ..

Patut jadi apa aku?

Mentua bilang: jadilah menantu bistari
yang pandai menilai - punya maruah punya mandiri
biar rukun harmoni seisi keluarga
boleh mentua tumpang berbangga ..

Bagus jadi apa aku?

Bos bilang: jadilah penggarap bermutu
yang trampil setia - punya wawas punya penentu
biar produksi lumayan industri berjaya
boleh bos dan pekerja sesama kaya ..

Baik jadi apa aku?

Jauhari bilang: jadilah manusia manusawi
yang tulus simpati - punya minda punya nubari
biar manusia pada sejahtera tanpa gundah
boleh mereka tegak sama tinggi duduk sama rendah ..

Harus jadi apa aku?

Kiyai bilang: jadilah sesempurna insan
yang ke Khaliq ke makhluk - punya iman punya ihsan
biar Allah redha, manusia pun sunggi
boleh laba di dunia, di akhirat tidak rugi

Jadi .. jadi apa aku?

Justeru aku belum jadi apa-apa
Lagi mencorek malarik kerangka
Mau jadi apa, aku? kira-kira...!!

Mohd Ariff Ahmad

1996

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN 2009

Anugerah Guru Arif Budiman

Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman 2009 bagi mengiktiraf sumbangan guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- Mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- Mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- Mengangkat sebagai teladan, guru-guru yang cemerlang dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

Gelar dan Jenis Anugerah

- **Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan:**
 - diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru lebih dari 10 tahun.
- **Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang:**
 - diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru kurang dari 10 tahun.



SEKAPUR SIRIH

Encik Masagos Zulkifli

Setiausaha Parlimen Kanan,Kementerian Pendidikan dan Kementerian Ehwal Dalam Negeri serta Pengurus Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)



SEKAPUR SIRIH

Md Thahirrudin bin S. Kadarisman

Yang Di-Pertua

Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)

Anugerah Guru Arif Budiman telah diadakan buat kali ke tiga pada tahun ini. Tahniah saya ucapan kepada Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS) yang telah bersedia menjadi pengajur acara pada tahun ini. Sebagai sebuah badan yang peka terhadap kebaikan guru, kesediaan KGMS menganjurkan majlis hari ini merupakan suatu usaha pengekalan budaya kita dalam memberikan penghargaan dan penghormatan kepada guru Bahasa Melayu. Hal ini juga merupakan usaha kita ke arah mencapai visi Arif Budiman.

Kerjaya perguruan semakin mencabar dengan tuntutan yang pelbagai. Namun, dengan peningkatan taraf pendidikan, latihan dan pembangunan kerjaya, guru-guru Bahasa Melayu hari ini semakin bersedia menghadapi pelbagai cabaran tersebut. Kesediaan guru-guru dalam meningkatkan taraf pendidikan mereka memperlihatkan iltizam terhadap kerjaya yang memerlukan mereka mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pendidikan. Usaha mereka ini akan terus meningkatkan kekaryawanan dan hasrat mereka untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan sebaik-baiknya.

Sifat dinamik ini perlu ada pada semua guru supaya usaha kita untuk terus membina keupayaan generasi muda kita akan tercapai. Guru Bahasa Melayu perlu memainkan peranan berkesan dalam usaha melestarikan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu, dan menanam sikap menghargai dan menyintai kesusastraan, nilai dan budaya Melayu dalam kalangan para pelajar. Lantas perlu bagi guru untuk berupaya menyemai minat dan menggalakkan mereka menggunakan bahasa Melayu secara spontan dan kreatif. Kejayaan hanya akan dapat dicapai dengan kesediaan dan usaha guru menyesuaikan diri dan terus bertindak sebagai pemangkin yang berkesan untuk mencapai visi Arif Budiman.

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu akan terus menyokong usaha-usaha pertubuhan masyarakat dalam menggalakkan pembelajaran dan penggunaan Bahasa Melayu. Melalui usaha-usaha inilah kita akan dapat mengekalkan jati diri dan nilai kita, dan meneruskan warisan budaya kita. Tahniah saya ucapan kepada pemenang Anugerah Guru Arif Budiman 2009 dan semua guru yang telah dicalonkan. Semoga kita akan terus mencapai kejayaan.

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) kerana telah memberi kepercayaan kepada pihak KGMS untuk menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman pada tahun ini.

Guru-guru berhadapan dengan pelbagai cabaran pada masa ini. Cabaran dari pihak pelajar, rakan sekerjaya, sekolah, ibu bapa, masyarakat dan pelbagai pihak yang berkepentingan.

Bagaimana guru menyahut pelbagai cabaran inilah yang akan menentukan keberkesanan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Guru yang cemerlang akan bijak mengimbangi masa dan dapat melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Sama penting ialah usaha guru yang berterusan untuk mendidik, membimbing dan membentuk para pelajar supaya menjadi insan yang berilmu, berkeperibadian tinggi dan menabur bakti kepada masyarakat.

Tahniah saya ucapan kepada semua penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2009. Semoga anugerah ini akan menaikkan lagi semangat guru-guru untuk meneruskan usaha murni mereka dan mencapai kecemerlangan dalam kerjaya perguruan.



SEKAPUR SIRIH

Encik Jamal Iskandar

Pengerusi Anugerah Guru Arif Budiman 2009

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana kurnia dan inayah-Nya, Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) telah dapat dianjurkan buat tahun ketiga. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf kerjaya guru Bahasa Melayu sekolah rendah, menengah, maktab rendah dan institusi pusat.

Pada tahun ini, pihak KGMS telah menerima sebanyak 47 pencalonan. Satu kebitaraan pada sistem penilaian kali ini ialah setiap calon dinilai berdasarkan penglibatan mereka di sekolah selama dua tahun, iaitu pada tahun 2007 dan 2008. Ini memberikan gambaran yang luas untuk melihat ketrampilan setiap calon dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu serta keterlibatan mereka di luar lingkungan sekolah.

Pada tahun ini, penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2009 pada kali ini, ketrampilan mereka sejajar dengan visi Arif Budiman, iaitu insan berilmu pengetahuan yang menabur bakti kepada masyarakat. Kepada calon yang tidak berjaya, jadikanlah ini sebagai satu pemangkin untuk berusaha dengan lebih gigih lagi pada masa mendatang.

Akhir kalam, syabas saya ucapan kepada para penerima. Juga, saya berterima kasih kepada jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini.

Jawatankuasa Anugerah Guru Arif Budiman

Penasihat : Mohd Thahirrudin Bin S. Kadarisman

Pengerusi : Jamal Iskandar Bin Ismail

Setiausaha : Zafilin Bin Abdul Hamid

Bendahari: Hj Subari Bin Sukaini

Anggota: Hirman Bin Mohamed Khamis

Mohamad Nor Bin Mohd Hussain

Arzami Bin Salim

Milahwati Binte Hussain

Rohan Nizam Basheer

Norliza Binte Ali

Sulastri Binte Ahmad

Alifa Binte Ismail

Nurhazimah Binte Abdul Halim

Abdul Malek Bin Ahmad

Mohd. Ali Hanifiah Bin Abdullah

Khairul Anuar Bin Ibrahim

Khamaliah Binte Othman

Jamilah Binte Abdul Jalil

Norsena Binte Mohd Yusof

Rose Fadillah Binte Aris

Djohan Bin Abdul Rahman

Norazlan Bin Ibrahim

Sri Rahayu Binte Zainal

Suryani Binte Atan

Mohd Taib Yusop Md Noor

Abu Bin Ibrahim

Penilai Anugerah Arif Budiman 2009

Dr Bibi Jan Md Ayyub

Dr Abbas Sharif

Puan Aini Maarof

Cik Fuziah Taha

Puan Surtini Sarwan

Encik Mohd Anuar Yusop

Encik Ismail Pantek

Encik Md Ma'mun HMF Suhaimi

Encik Md Noh Daipi

Encik Wan Hussin Zoohri

Ikrar Guru

Kami, guru-guru Singapura, berikrar:

Kami akan menghasilkan yang terbaik untuk pelajar kami.

Kami akan menjadi teladan semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Kami akan membimbing pelajar kami supaya menjadi rakyat Singapura yang baik dan berguna.

Kami akan terus belajar dan memupuk cinta akan pembelajaran kepada pelajar kami.

Kami akan mendapatkan kepercayaan, sokongan dan kerjasama ibu bapa dan masyarakat untuk membolehkan kami mencapai misi kami.

Pemenang AGAB 2009



AGAB - Teladan
(Sekolah Rendah)
Haryati Bte Surana
Sekolah Rendah West View



AGAB - Perangsang
(Sekolah Rendah):
Halimatussa'diah Bte Jaffar
Sekolah Rendah Junyuan



AGAB - Perangsang
(Manengah/Maktab Rendah/CI)
Azyanti Bte Md Mudakir
Maktab Rendah Temasek



AGAB - Teladan
(Menengah/Maktab Rendah/CI)
Noraishah Bte Mostapa
Sekolah Menengah Siglap

Finalis AGAB 2009

AGAB Perangsang (Sekolah Rendah):



Siti Rosmala
Bte Rahmat
Sekolah Rendah
Northland

AGAB Teladan (Sekolah Rendah)



Hasni
Bte Abu
Bakar
Sekolah
Rendah
Mee Toh

AGAB Perangsang (Manengah/Maktab Rendah/CI)



Marliana
Bte Md Ramli
Sekolah
Victoria

AGAB Teladan (Menengah/Maktab Rendah)



Elina
Bte Abdul Rashid
Maktab Rendah
Temasek

Obor Hemah

Guru adalah awan Indah terbang rendah,
melimpahkan hujan pada musim gersang,
menyegarkan benih ilmu, berbuah hikmah;
ia renjis embun pada tanah bakat,
suara ihsan ketika manusia kalah,
sepi yang syahdu dalam dunia resah.

Guru - atap ganti ketika pondok bocor,
ketika sejarah dalam bilik darjah,
senyum penyembuh bagi wabak sengsara,
ia - sungai rangsang sentiasa tenang,
menghantar bahtera ke segara dharma,
memesan angin menghikmahkannya.

Guru adalah penelaah yang tekun,
mewariskan dunia sebagai kutubkhana,
menyediakan kutubkhana sebagai dunia,
ia mengemudi biduk, melepaskannya,
atas lambungan laut, merangsangkan
manusia menyelami rahsia khazanahnya.

Guru - minda segar dan kukuh akar,
menghidupkan batin yang bersih
di daerah dunia cemar kasih,
dan pada ketika tak tersangkakan,
walau diambilnya kembali semua buku,
sempat ditinggalkan asas ilmu.

Guru adalah batin suci hati nurani,
penjunjung budi, manusia yang takwa,

obor hemah kehidupan bangsa.

A. Samad Said
2 April 1988

Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang (Sekolah Rendah)

berapa banyak kemanusiaankah
harus kita berikan untuk jadi manusia
di dunia begini?
kita mesti berperang
untuk nilai-nilai yang mensejahterakan,
dan dengan berlawan
kita merosot kembali dari kemanusiaan.
untuk jadi manusia
kita harus melembutkan lawan
dengan tenang
tapi harus juga selalu
mengepung unggul
dari diri sendiri dan penyerang.

- Muhammad Hj. Salleh
Berapa Banyak? 1996

Halimatussa'diah Bte Jaffar Sekolah Rendah Junyuan

Pendidikan:	Sekolah Rendah Macritchie Sekolah Menengah Ping Yi Maktab Rendah Serangoon Institut Pendidikan Nasional Sedang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda di SIM
CCA:	Bola lantai / Sepak takraw
Kegemaran:	Membaca, meminati muzik, meluangkan masa bersama keluarga
Sumbangan:	Menganjurkan bengkel untuk ibu bapa Berkongsi dalam MOE Excel Festival 2006 Berkongsi dalam Malay Language Seminar 2008
Penghargaan:	Outstanding Individual Contribution Award 2006 Outstanding Team Contribution Award 2007 Outstanding Team Contribution Award 2008 Caring Teacher Award 2008



– Demi Mandat –

Amanah yang dipertanggungjawabkan kepada seorang guru amatlah mencabar. Insan yang sering diibaratkan seperti dian yang membakar diri semata-mata hanya untuk memberikan sinar dalam kehidupan anak didiknya, kini memikul tugas berat. Beliau bukan lagi sekadar bertanggungjawab menghasilkan kecemerlangan dalam setiap pelajar yang dibimbingnya, malahan turut terlibat dalam pembentukan sosial, perwatakan, emosi dan mental mereka.

– Upayakah Aku? –

Justeru, tidak hairanlah jika perasaan khuatir dan kurang keyakinan diri menyelubungi saya tatkala menjajakan kaki buat pertama kali di Sekolah Rendah Junyuan. Walaupun telah berjaya menamatkan kursus perguruan di Institut Pendidikan Nasional dan digelar guru bertauliah, perasaan bimbang masih meresahkan diri saya.

Kebimbangan ini disebabkan oleh pelbagai persoalan yang berlegar-legar di kotak fikiran. Hati kecil tertanya-tanya jika saya sudah cukup bersedia melaksanakan amanah yang diberikan. Minda seakan-akan mempertikaikan kebolehan sendiri untuk mempraktikkan ilmu pengetahuan kepada anak didik hanya dengan berbekalkan pendekatan-pendekatan dan pedagogi-pedagogi pengajaran yang baru diraih. Mentelah lagi, gelaran guru Bahasa Melayu yang disandang memberikan pengertian bahawa saya turut terlibat dalam menyemaikan nilai-nilai murni dan memainkan peranan penting membentuk perwatakan anak didik agar menjadi insan yang insani.

Namun, setelah mendengar ungkapan yang diujarkan oleh pengetua sekolah, kesangsian yang pernah ada mula pudar dan tertanam satu iltizam untuk melaksanakan amanah murni ini. ‘*Setiap murid adalah insan yang unik, sangat berharga dan amat penting.*’ Itulah kata-kata

hikmah berbentuk nasihat yang diujarkan oleh beliau. Berbekalkan ungkapan yang sederhana tetapi bermakna ini, saya mengorak langkah melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang guru.

Ternyata, pelaksanaannya sungguh menduga kecekapan dan ketekalan saya sebagai seorang pendidik. Para pelajar yang diamanahkan bukan sahaja datang daripada latar belakang yang berbeza, malahan mempunyai cara dan ragam pembelajaran yang tersendiri. Selain itu, rasa cinta yang berkurangan terhadap Bahasa Melayu dan gaya pemikiran yang sering menganaktirikan bahasa ibunda mereka menyukarkan lagi tugas saya.

– Persada Dijelajah Ilmu Ditakat –

Sungguhpun begitu, cabaran-cabaran ini dijadikan pembakar semangat untuk saya terus mempertingkatkan kemahiran diri dan memperbaiki mutu penyampaian dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain mengamalkan kepelbagaiannya dalam teknik dan strategi pengajaran, minat murid yang menjurus kepada teknologi maklumat seperti melungsur lelaman internet, *chatting* dan *blogging* turut diterapkan di dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas. Dengan mengamalkan saluran komunikasi yang terbuka, para pelajar berasa selesa berkongsi permasalahan yang dihadapi mereka baik dalam pembelajaran maupun perhubungan mereka dengan ahli keluarga.

– Perjuangan Perlukan Pengorbanan –

Hasrat untuk mendidik anak bangsa agar menjadi orang yang cemerlang apabila dewasa kelak merangsang saya mengorbankan masa dan tenaga untuk memastikan para pelajar saya meraih ilmu

pengetahuan yang dikongsi. Selain mengadakan kelas-kelas tambahan, saya juga meluangkan masa di luar kelas untuk membantu para pelajar yang lemah memahami kemahiran-kemahiran bahasa yang diajar. Justeru, tatkala mengetahui masih ada murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca, saya meluangkan masa di luar kelas untuk mengajar fonik-fonik bahasa kepada mereka.

– Berguru Dengan Pengalaman –

Pengalaman saya dibesarkan oleh seorang pengasuh yang tiada tali persaudaraan mengajar saya erti kasih sayang yang tiada tolok bandingnya. Justeru, saya menerapkan nilai ini semasa saya berinteraksi dengan para pelajar. Malah, saya menyemai sifat saling mengambil berat dan sayang-menayangi dalam kalangan anak didik saya kerana prihatin terhadap membentuk para pelajar menjadi insan yang arif budiman.

– Perjalanan Yang Masih Panjang –

Saya akur tugas guru amat mencabar. Namun, keputusan menjadi seorang guru tidak pernah saya kesalkan. Pada saya, inilah satu-satunya wadah untuk saya menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Barang siapa mengangkat dirinya imam bagi manusia maka hendaklah dia mulai mengajar dirinya sebelum mengajar orang lain dan hendaklah dia mendidik orang dengan perangainya sebelum mengajar orang dengan lidahnya.

*- Abdullah Hussain
Imam*

Siti Rosmala Bte Rahmat Sekolah Rendah Northland

CCA:	Terian Melayu
Sumbangan:	<i>In-house choreographer</i> untuk persembahan muzikal 'Applause' Northland Primary School
Penghargaan	<ul style="list-style-type: none">Outstanding Contribution Award (Team) 2007Outstanding Contribution Award (Team) 2008NE Award (Team) 2008



– Penghijrahan Dua Dunia –

Minat saya dalam bidang pendidikan telah wujud sejak di bangku sekolah lagi. Namun, peluang untuk menyertai NIE tiba lewat, iaitu setelah saya berkeluarga. Sekolah Rendah Northland merupakan sekolah pertama saya mengajar, sebaik sahaja lulus dari NIE pada tahun 2001. Pada awal kerjaya saya sebagai 'cikgu', pelbagai cabaran yang saya alami. Berbanding dengan kerjaya sebelumnya. Menjadi seorang guru lebih mendekatkan saya kepada masyarakat. Jika sebelumnya, saya merupakan seorang guru tari dan saya memperjuangkan seni tarian tradisional Melayu, kini saya seorang 'cikgu' dan misi saya adalah untuk memperjuangkan bahasa dan budaya Melayu.

– Hasil Dituai Dikongsi Sama –

Setiap tahun, jabatan kami menganjurkan Hari Bahasa Melayu yang dikenali sebagai 'Pesta Pusaka Ibunda'. Matlamat aktiviti ini adalah untuk memperkaya pengetahuan murid dalam bahasa dan budaya Melayu serta menggalakkan mereka untuk lebih yakin berbahasa Melayu. Aktiviti ini memberi mereka peluang untuk mempamerkan bakat sambil berkarya secara kreatif. Keistimewaan acara ini ialah, para ibu bapa turut hadir untuk memberikan sokongan kepada anak-anak mereka yang bertanding dan juga melihat aktiviti murid-murid lain melalui pameran 'Galeri Projek BM'. Jabatan kami juga mengundang para guru dan murid sekolah rendah dan menengah Kelompok Utara N2, untuk turut memeriahkan lagi pesta tersebut.

Dalam usaha memupuk minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, mereka diberi peluang mengambil bahagian dalam peraduan di peringkat nasional dan kelompok. Kumpulan sekolah kami telah

berjaya menjuarai 'Pertandingan Sahibba (Peringkat Rendah)' anjuran Kelompok Utara N2.

– Penerokaan Mencari Azimat –

Untuk meraih pembelajaran holistik, semua murid diberi peluang untuk menyertai widyawisata dan aktiviti pengayaan Bahasa Melayu. Antara aktiviti tahunan kami ialah Kembara Taman Haiwan (P1 & P2), Kembara Bahasa & Matematik (P3 & P4), Kembara Pahlawan (P5) dan Darmawisata ke Malaysia (P6). Melalui lawatan-lawatan menarik ini, murid-murid dapat mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu. Di samping itu, semua murid digalakkan menyertai aktiviti pengayaan Bahasa Melayu yang berikut; Bengkel Drama (P3), Kem Bahasa dan Budaya (P4) dan Bengkel Penulisan (P5 & P6). Matlamat utama aktiviti tersebut adalah untuk memberikan pendedahan kepada semua murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu yang interaktif dan seronok. Saya yakin, murid-murid yang belajar melalui pengalaman dan penglibatan secara aktif akan berupaya menyerap pembelajaran dengan lebih berkesan.

– Ilmu Dijunjung, Kebajikan Dikelek –

Sebilangan besar masyarakat Melayu terjejas oleh kemelesetan ekonomi yang melanda dunia hari ini. Menyedari hakikat itu, jabatan kami telah mengambil inisiatif untuk membantu murid-murid Melayu sekolah kami yang kurang berkemampuan. Setiap tibanya Ramadhan, kami melancarkan 'Projek Amal Aidilfitri'. Projek selama 3 minggu ini merupakan projek pengumpulan dana melalui 'Bazar Ramadan' dan penjualan 'Kuih Raya Amal' kepada ibu bapa dan waris. Alhamdulillah, berkat sokongan para ibu bapa dan semua warga Northland, kami dapat mengagihkan sumbangan wang kepada murid-

murid serta keluarga mereka untuk merayakan Aidilfitri dengan lebih sempurna lagi.

Di samping itu juga, semua murid kami digalakkan untuk menyumbang bakti kepada masyarakat umum. Setiap tahun, semua murid dan guru Bahasa Melayu akan menyahut seruan AMP dan menyokong projek 'Ready for School'. Saya amat berbangga dengan warga Northland yang turut prihatin terhadap kebajikan masyarakat di Singapura.

– Pelajar Pantulan Diri –

Sepanjang lapan tahun kehadiran saya di Sekolah Rendah Northland, segunung pengalaman, saya peroleh. Melihat kesungguhan murid-murid mempelajari Bahasa Melayu, saya kerapkali disedarkan betapa pentingnya bagi kita untuk terus menyanjung Bahasa Melayu. Sebagai guru bahasa Melayu, saya berada di barisan hadapan dalam memastikan bahasa Melayu sentiasa dimartabatkan. Dalam melalui liku-liku kerjaya sebagai pendidik, saya sentiasa bersikap terbuka kepada setiap cabaran dan merebut segenap peluang yang melintas, demi mempertingkatkan diri agar dapat menjadi guru yang mahir dan berdedikasi.

Bakat saja tidak berguna. Seperti pokok bunga ros, pada hasilnya semua pokok ros ada bakat untuk mengeluarkan bunga yang cantik dan harum. Tetapi kalau ia tidak dijaga dan dipupuk dengan baja, bunganya ada juga kalau ia berbunga, tapi bunga itu kerdil, kecil dan baunya pun kalau ada sedikit sekali

*- Abdullah Hussain
Koncerto Terakhir*

Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan (Sekolah Rendah)

*Jodoh memang pun disusun, memang pun dirancang dengan baik,
samalah seperti menyusun sirih. Di mana sepiak dua pinangnya.*

Di mana secalit dua kapurnya. Di mana segenye gambirnya.

Dan, kalau perlu disempurnakan lagi dengan selitan sebuah cengkik, sesentil pala atau setabur gula. Ini bukan sahaja untuk memperindah paduan, tetapi juga untuk mengusik selera. Ada manisnya, ada pedasnya, ada masamnya. Dan, daripada ramuan itulah terjelma keindahan.

*- Shahnon Ahmad
Tunggul-tungul Gerigis*

Haryati Bte Surana Sekolah Rendah West View

Pendidikan:
Fowlie School
Sekolah Menengah Bedok View
Maktab Rendah Anderson
NTU/ NIE (Diploma Pendidikan – Merit)
Universiti Malaya [Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu – Lulus dengan Kepujian (Cemerlang)]

CCA:
Tarian Melayu

Kegemaran:
Membaca, menonton wayang, melancang

- Sumbangan:**
- Ketua Zonal Kelompok (Sekolah Rendah) - Barat (pembinaan bahan MEKAR)
 - Perkongsian Nasional – Seminar MLU (2008 – 09)
 - Guru Mentor bagi H2 MTL
 - Students Service Learning Project
 - Ketua Kelompok W5 (Malay Language Champion Support Group- Primary School)
 - ICT Champion
 - Penyelaras Kumpulan Kajian Penyelidikan – Precise Reading (2008) dan 'Media Web' (2009)
 - Sesi Perkongsian – MENDAKI (Seminar – Motivational Talk), Masjid Al –Iman (Persediaan Anak Anda ke Darjah 1)
 - Seminar PSLE anjuran EDN Media



– Sinar Menelan Kabus –

Sebagai seorang guru, sudah semestinya sifat dedikasi, amanah, kreatif dan sabar perlu dimiliki. Sifat-sifat ini akan menjadikan sesuatu usaha itu lebih sempurna jika disulami dengan sifat ikhlas. Guru harus memberikan suri teladan yang terbaik kepada anak didik kita kerana kita ialah pemimpin. Amanah yang kita jalankan bukan hanya sekadar mengajar bagi memenuhi kehendak pihak-pihak tertentu sahaja. Kita perlu menyemai nilai-nilai murni demi pembangunan akhlak generasi akan datang. Pembelajaran dapat ditingkatkan lagi dengan pengalaman di dalam dan di luar bilik darjah. Ini adalah untuk mempersiapkan anak didik kita menghadapi masa depan yang tidak menentu dengan penuh keyakinan. Kemahiran-kemahiran yang diajarkan akan menjadi tunggak kecemerlangan mereka. Nilai-nilai kehidupan yang diterapkan akan menjadi landasan dan prinsip hidup yang didukung untuk menjadi insan yang cemerlang.

– Meluas Jidar Sinar –

Bagi memastikan kejayaan kerjaya sebagai guru, banyak angkubah yang perlu diambil kira. Kerjasama antara guru, pegawai sekolah, ibu bapa dan murid-murid memainkan peranan yang amat penting. Dalam usaha untuk menyuntik minat terhadap Bahasa Melayu, saya menganjurkan pelbagai aktiviti untuk bukan sahaja menarik minat murid, malah menyemai rasa cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu. Saya mengadakan bengkel untuk rakan guru dan murid-murid serta ceramah untuk ibu bapa. Murid-murid digalakkan menimba ilmu dengan menyertai pelbagai peraduan, mencuba tanpa mengenal erti jemu. Tidak kira rakan sekerja atau murid-murid saya, saya selalu menggalakkan mereka meningkatkan diri dan prestasi mereka dalam segala bidang. Ini dapat membangunkan sahsiah mereka untuk terus memajukan diri. Dengan ini saya menyediakan peluang dan ruang buat murid-murid dan guru-guru bawah jagaan saya untuk menunjukkan bakat dan potensi mereka. Mereka boleh menyumbang apa sahaja yang dapat dimanfaatkan masyarakat.

Dengan cara ini, kami dapat menyemai sikap minat terhadap bahasa dan budaya Melayu dalam diri kami dan seterusnya untuk melestarikannya dalam kehidupan sehari-hari kami. Dengan ilmu yang diperoleh mereka, perkongsian pengalaman dapat dimanfaatkan oleh semua. Maka matlamat menuju ke arah insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat dapat dicapai dengan pengembangan tenaga ini.

– Bagai Lilin Membakar Diri ... –

Keprihatinan terhadap kebaikan dan keperluan murid amat dititikberatkan. Permasalahan yang dihadapi anak didik kita akan membesarkan mereka jika tidak ditangani dari awal. Saya membuat lawatan ke rumah pelajar, memberikan bantuan daripada segi moral dan kewangan dengan menyertai skim ‘Adopt A Child’ yang diselenggarakan oleh pihak sekolah. Kerjasama daripada pelbagai pihak amat penting demi kejayaan anak didik kita. Sebagai guru, saya selalu menasihati murid saya agar menjadikan kemiskinan sebagai penghalang untuk seseorang berjaya dalam hidup. Mereka harus terus berusaha dengan gigih dan menganjak taraf kehidupan mereka. Mereka mesti mempunyai wawasan untuk melakukan atau mencapai lebih baik daripada apa yang telah dicapai oleh ibu bapa mereka. Barulah hidup mereka akan lebih selesa pada masa akan datang. Sokongan dan galakan guru amat penting dalam meningkatkan semangat anak didik kita.

– Kemurnian Nurani –

Nikmat yang diberikan Tuhan kepada kita tidak terkira jumlahnya. Antaranya keselamatan, keamanan dan taraf hidup yang selesa. Rahmat Tuhan yang dikurniakan ini merupakan amanah yang wajib ditanggung dan amanah ini amatlah besar. Lantaran itu, memberi


adalah satu cara kita mensyukuri nikmat-Nya. Apabila kita memberi, ganjarannya banyak. Sebagai seorang pendidik yang arif lagi budiman, kita harus sentiasa memberi tanpa mengharapkan ganjaran. Sebagai seorang yang bertanggungjawab terhadap bangsa, pendidik harus mengekalkan maruah bangsa. Hormat-menghormati sesama insan menjadi tunjang insan yang insaniah, manusia yang manusiawi. Sebagai pendidik, kita harus menggunakan kebijaksanaan kita dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan ini. Segala usaha yang baik merupakan ibadat. Di samping kita mendukung nilai-nilai sejagat, kita juga harus menerajui dan memperjuangkannya. Semoga kita menjadi insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada nusa dan bangsa. Jadilah guru contoh dan inspirasi di mana sahaja kita berada. Taburlah bakti dan jadilah pendorong demi kesejahteraan hidup di dunia ini.

Terlalu banyak kitab atau buku warisan yang terbiar begitu saja... terlalu ramai yang hanya menyebut-nyebut nama buku-buku penting, tapi tidak membacanya. Jangan dibiarkan hanya apakala orang luar menemui khasiat buku-buku itu sebagai baik dan berguna terlebih dahulu barulah kita cuba mencari-cari buku atau kitab itu.

*- A. Samad Said
Hujan Pagi*

Hasni Bte Abu Bakar Sekolah Mee Toh

- Pendidikan:** Sekolah Rendah Beng Wan
Sekolah Menengah Perempuan Cedar
Maktab Rendah Anderson
Institut Pendidikan Nasional
- CCA:** Health & Fitness Club, Modular CCA
- Kegemaran:** Membaca, berenang, menonton wayang, bersantai bersama keluarga
- Sumbangan:** Menganjurkan Peraduan Kejora Timur Laut 2008
Menganjurkan perkongsian untuk guru-guru Melayu Kelompok N4
Sesi perkongsian untuk guru-guru pelatih NIE
- Penghargaan:** Outstanding Contribution Award 2007 (Team)
Outstanding Contribution Award 2008 (Team)



– Mencanai Berlian –

Setiap murid dianugerahi dengan keistimewaan tersendiri. Hanya masa sahaja yang menentukan bila keistimewaan mereka itu akan terserlah. Guru merupakan pemangkin perkembangan murid. Dengan itu, saya menyediakan pelbagai platform untuk meningkatkan kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu. Saya menggalakkan murid-murid saya menampilkan kreativiti dan bakat mereka dalam pengajaran saya melalui main peran, lakonan, nyanyian, slaid ‘powerpoint’ yang dibina mereka sendiri, model-model yang dicipta mereka dan banyak lagi. Sejak murid-murid saya melangkah ke darjah satu, saya telah mendedahkan mereka kepada lagu-lagu kanak-kanak dan pantun-pantun pusaka Melayu. Saya pernah mengajar murid-murid saya bermain congkak dan membuat papan congkak dengan menggunakan mangkuk-mangkuk plastik. Apabila beberapa orang murid saya mengatakan bahawa mereka telah membuat papan congkak seperti yang telah diajar lalu bermain dengan keluarga mereka di rumah, saya yakin objektif saya untuk memperkenalkan permainan tradisional Melayu sudah tercapai.

– Menambah Pancarasa –

Tahun ini merupakan tahun ketiga saya mengetuai Kumpulan *Community of Practice* Kelompok Bahasa Melayu N4. Pada masa yang sama juga, saya telah menganjurkan ‘Learning Journey’ ke Taman Warisan dan Peraduan Kejora Timur Laut 2008 untuk murid-murid dari kelompok N4. Untuk memastikan murid-murid saya dapat memanfaatkan pengajaran saya dengan sepenuhnya, saya telah menyediakan video, permainan bahasa dan carta. Selain itu, saya mencipta ‘flip-cards’ untuk membantu murid-murid saya yang lemah dalam bacaan mereka. Pada tahun 2008, murid-murid saya telah mendapat tempat ketiga dalam peraduan 3,2,1...Aksi anjuran CPDD.

Saya juga telah mengadakan beberapa sesi perkongsian bersama pelatih-pelatih NIE dan menyumbangkan beberapa pengajaran ke dalam portal N4-ishare.

– Peranan Pancadarma –

Setelah mengenal pasti murid-murid yang berisiko tinggi, saya meluangkan lebih masa untuk berbual dengan mereka dan memberi mereka kaunseling. Jika perlu, ibu bapa murid-murid akan dihubungi supaya saya dapat berbincang dengan mereka tentang perkembangan anak-anak mereka. Saya akan menggunakan kekuatan yang ada pada murid-murid ini untuk mengatasi kelemahan mereka. Biasanya, saya akan menasihati mereka agar menyertai aktiviti kokurikulum yang dapat menonjolkan lagi bakat mereka supaya keyakinan diri dapat dipertingkatkan.

– Timba Ilmu Dari Buaian... –

Saya melihat guru Arif Budiman sebagai seorang guru yang bukan sahaja membentuk insan yang berilmu tetapi guru itu sendiri harus tidak jemu menimba ilmu. Antara wawasan seorang guru Arif Budiman adalah untuk menimba sebanyak ilmu yang mungkin sehingga akhir hayatnya.

Setiap ilmu yang saya peroleh, saya sesuaikan dalam pengajaran saya supaya pengajaran saya menjadi lebih bermakna dan relevan buat murid-murid saya. Saya juga menerapkan nilai-nilai murni agar murid-murid dapat membuat keputusan yang tepat dan bertanggungjawab. Ini semua dilakukan agar murid-murid dapat membuat penilaian yang teliti lagi bernes, menimbangkan buruk baik natijah keputusan yang diambil dalam apa-apa keadaan sekalipun.

Dalam pencarian mendapatkan ilmu, pasti banyak dugaan yang akan kita tempuh. Pencarian itu tidak pernah akan berakhir kerana ilmu sentiasa berkembang dengan pesat mengikut arus peredaran zaman. Jika kita tidak mahu mengejar ilmu, ilmu akan meninggalkan kita. Sentiasalah hauskan ilmu. Sentiasalah laparkan pengetahuan. Jadikanlah ilmu baharu sebagai santapan harian.

Apabila kita sudah mendapat ilmu, amalkanlah agar ilmu itu sentiasa tersemat di sanubari kita. Juga, setelah ilmu itu diperoleh, sebarkanlah kepada sesiapa sahaja yang memerlukannya. Buka minda kita untuk meraih daripada siapa sahaja, meskipun daripada anak didik kita sendiri.

Buah-buah itu bukan hanya untuk berbuah dan kemudian kecut kering serta gugur ke bumi, tetapi perlu memberi kelazatan kepada orang-orang lain, perlu menyebarkan lagi benih-benih itu supaya terus merebak dan meluaskan lagi manfaatnya.

*- Shahnon Ahmad
Al-Syiaq*

Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang (Sekolah Menengah/Maktab Rendah/CI)

Kerjaya guru mempunyai tanggungjawab yang unik. Cara anda berinteraksi dengan pelajar, membentuk minda, memberi harapan, menanam nilai dan menyuntik perasaan peranan dalam masyarakat. Ini yang bakal mencipta masa depan negara kita.

- En. Tharman Shanmugaratnam
AGAB 2007

Azyanti Bte Md Mudakir Maktab Rendah Temasek

Pendidikan:	Sekolah Rendah Bedok North Sekolah Menengah Geylang Methodist Sekolah Menengah Dunearn Maktab Rendah Jurong Universiti Nasional Singapura Universiti Malaya
CCA:	Persatuan Kebudayaan Melayu Ahli Jabatan Pembangunan Pelajar
Kegemaran:	Membaca makalah, rencana berkaitan sejarah dan sosio-budaya masyarakat.
Sumbangan:	Mengendalikan Bengkel Praktikum untuk guru-guru pelatih di NIE Membimbing guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Prey Veng, Kemboja Membimbing pelajar-pelajar untuk menyumbang kepada sebuah sekolah desa di Wilayah Yunnan, China



– Ilmu Pelita Hidup –

Pada hemat saya, ilmu itu sangat penting. Meskipun penting, ilmu tidak mudah digarap dengan mudah kecuali jika seseorang guru itu dapat mengolah ilmu tersebut hingga menjadi relevan untuk para pelajarnya. Dari itu, untuk memastikan ilmu itu kekal relevan, guru harus bersifat fleksibel dan berfikiran terbuka agar berjaya menggabungkan ilmu tersebut dalam konteks yang sesuai. Mengajar bukanlah setakat menyampaikan ilmu tetapi juga mengambil kira perkembangan holistik pelajar.

– Amanah Tertanggung Di Pundak –

Tanggungjawab seseorang guru itu bukan sahaja untuk meningkatkan ilmu para pelajarnya, bahkan untuk memastikan bahawa para pelajar boleh menerapkan ilmu tersebut ke dalam kehidupan sehari-hari mereka. Maka ilmu yang ingin dicurahkan itu wajarlah bersifat dinamik dan harus dapat dikaitkan dalam konteks yang pelbagai. Apabila ada kaitannya, barulah para pelajar dapat menerima ilmu yang mereka pelajari dengan lebih terbuka, memandangkan mereka dapat melihat kerelevan ilmu yang mereka dapat untuk kehidupan mereka.

– Berburu Ke Padang Datar –

Demi memastikan bahawa tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan baik, dua pendekatan perlu diambil. Pertama ialah memperkaya ilmu guru dan kedua pendekatan mengajar. Ilmu guru tidak boleh statik. Guru perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran diri. Berikut ialah langkah-langkah yang telah saya ambil untuk mempertingkatkan kemahiran dan ilmu diri:

- Menyertai bengkel dan seminar
- Membaca akhbar dan majalah setempat dan juga serantau
- Mendalami bahan-bahan sastera lama dan hasil tulisan budayawan
- Mengunjungi tempat-tempat yang mempamerkan khazanah dunia Melayu

Untuk menambahkan ilmu pelajar pula, saya telah menggunakan beberapa pendekatan. Berikut ialah sebahagian daripadanya:

- Pengajaran dengan penggunaan bahan sastera.
- Pengajaran melalui pengalaman.

– Melampaui Empat Tembok –

Menimba ilmu itu tidak terbatas di dalam kelas sahaja. Ilmu juga boleh digarap melalui pengalaman yang diraih pelajar sewaktu melakukan kegiatan-kegiatan di luar kelas.

Usaha untuk meningkatkan perkembangan keperibadian pelajar telah saya ambil kira. Walaupun para pelajar kurang berpengalaman, saya telah memberi mereka cabaran, ruang dan peluang untuk menganjurkan pertandingan bahasa dan budaya Melayu untuk para pelajar di peringkat sekolah menengah. Sebagai guru, saya hanya menjadi pemudah cara apabila pertandingan itu dijalankan. Melalui kegiatan seperti ini, kemahiran kepimpinan juga dapat diasah dalam diri setiap pelajar yang terlibat.

Hasilnya, apabila para pelajar dapat melihat relevannya ilmu yang dipelajari mereka, rasa minat untuk menimba ilmu dengan lebih mendalam mudah dipupuk. Yang diharapkan adalah agar pelajar tidak hanya mengejar ilmu untuk mendapat markah cemerlang semata-mata. Sebaliknya, mereka dapat menerima proses pengambilan ilmu itu sebagai satu kewajipan untuk meningkatkan kemahiran dan kepercayaan diri demi mencapai kehidupan yang lebih bermakna.

– Melahirkan Insan Kamil Lagi Syumul –

Untuk menghasilkan pelajar yang Arif Budiman, seorang guru juga bertanggungjawab untuk memupuk nilai-nilai murni seperti keikhlasan, keihsanan dan rasa empati dalam diri setiap pelajar. Nilai-nilai ini harus disemai supaya para pelajar sentiasa rendah diri, murah hati dan ada keinginan untuk menolong mereka yang memerlukan bantuan. Maka, seseorang guru itu harus memastikan bahawa dia memiliki nilai-nilai tersebut dahulu memandangkan dia harus menjadi contoh yang baik di mata pelajarnya. Kepimpinan melalui teladan.

Antara kegiatan yang saya ceburi untuk melibatkan diri di dalam kerja-kerja kemasyarakatan termasuklah:

- Bekerjasama dengan Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Nasional Singapura untuk mengendalikan modul asas Bahasa Melayu.
- Bekerjasama dengan Institut Pendidikan Nasional untuk mengendalikan Bengkel Praktikum bersama guru-guru pelatih.
- Bekerjasama dengan badan-badan kemasyarakatan di luar negara untuk membantu guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Prey Veng, Kemboja.

Selain itu, saya juga menggalak dan mengajak para pelajar untuk turut serta dalam kerja-kerja kemasyarakatan, baik di dalam ataupun di luar negara. Sejauh ini, kami telah melaksanakan kegiatan-kegiatan seperti berikut:

- Forum Belia Temasek
- Ekspedisi ke Wilayah Yunnan, China

...Kejujuran penting sekali. Kejujuran di sisi Tuhan, kejujuran sesama manusia, kejujuran kepada diri sendiri dan kejujuran terhadap kejujuran.

- Noordin Hassan
Cindai

Marliana Bte Md Ramli

Sekolah Victoria

Pendidikan:

Sekolah Rendah Pasir Panjang
Sekolah Rendah Jagoh
Sekolah Rendah Min Xin
Sekolah Perempuan Tanjong Katong
Maktab Rendah Nanyang
Universiti Nasional Singapura
Institut Pendidikan Nasional

CCA:

Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu




Kaya pengalaman berbahas

Juara bahas rati mukungan pelajar Indonesia

M

...



– Kata Guru Penuh Firasat –

Menjadi seorang guru tidak pernah tersenarai sebagai kerjaya yang diidam-idamkan, lebih-lebih lagi sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Walaupun selalu menjadi antara pelajar terbaik dalam peperiksaan Bahasa Melayu mahupun Sastera Melayu dari sekolah rendah hingga maktab rendah, tidak pernah terlintas dalam fikiran untuk menjadikan kerjaya ini sebagai penerus kehidupan.

Semasa di maktab rendah, kami pernah ditanya oleh Cikgu Ibrahim Othman, mantan anggota parlimen, yang mengajar kami selama dua tahun, sama ada kami ingin menjadi guru setelah bergelar siswazah nanti. Reaksi yang saya berikan sungguh pantas tanpa berfikir sejenak. “Itu kerjaya terakhir yang akan saya pilih, Cikgu.”

Tanpa rasa terkejut atau berkecil hati, Cikgu Ibrahim menasihati saya supaya jangan terlalu yakin dengan jawapan saya. Beliau memberitahu, saya mungkin akan menjadi seorang guru pada suatu masa nanti. Mungkin daripada pengalaman beliau setelah berpuluhan tahun mengajar, beliau seolah-olah seperti dapat meramalkan perjalanan hidup saya. Rasa geram berdetik dalam hati apabila beliau ‘menyumpah’ saya begitu. Namun, rasa bersyukur yang amat sangat berbunga dalam hati kini apabila menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

– Dari Kepompong Menjadi Kekupu –


Ada antara pelajar saya yang bertanya mengapa saya menjadi guru Bahasa Melayu. Terus terang saya katakan saya tidak pernah menyesal dengan pilihan saya, dari saat saya mengisi borang permohonan untuk ke NIE selepas tamat pengajian di NUS dan seterusnya mengajar secara kontrak selama setahun tanpa latihan hingga hari ini, 9 tahun kemudian. Mungkin saya tidak akan begitu

tertekan jika saya mengajar subjek lain kerana, seperti yang semua maklum, guru bahasa selalu ditimbuni dengan pelbagai latihan untuk disemak, daripada pembinaan ayat hingga karangan yang berjelajela, dan kaedah mengajar yang perlu dipelbagaikan. Bagaimanapun, apabila bersama para pelajar, saya tahu saya dapat menjadi sebagai diri saya yang sebenar.

Seorang guru Bahasa Melayu bukan sahaja mengajar subjek yang telah diamanahkan tetapi juga bertanggungjawab mendidik dan menyemai pelbagai nilai murni diri setiap anak didiknya supaya sentiasa mengenali jati diri. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu juga membuat saya sentiasa terkejar-kejar untuk mendapatkan berita-berita terkini. Saya seolah-olah ‘diwajibkan’ untuk mengetahui pelbagai perkara – daripada isu semasa, hukum agama hingga kepada pelbagai seni budaya Melayu. Saya lebih banyak belajar semasa mengajar daripada semasa saya menuntut. Apa yang saya maksudkan adalah belajar tentang nilai-nilai hidup. Melalui pengalaman yang saya alami dan melihat apa yang ditempuhi pelajar, saya dapat merasakan perubahan pada diri sendiri. Daripada seorang yang pemarah, pendiam dan kurang sabar, kini saya lebih tenang dan suka bercerita serta berjenaka. Saya lebih memahami keunikan setiap insan kerana setiap pelajar ada perwatakan dan pandangan hidup masing-masing.

– Warga Pelajar Keluarga Berangkai –

Sebagai wakil masyarakat Melayu, saya tahu saya harus memainkan pelbagai peranan semasa di dalam atau di luar kelas. Saya lebih kerap menjadi teman dan pendamping para pelajar daripada menjadi seorang guru. Kelas Bahasa Melayu saya tidak terikat dengan pembelajaran yang telah ditetapkan sahaja. Kami berada dalam dunia kami apabila kelas Bahasa Melayu dijalankan. Mungkin kerana semua pelajar saya lelaki, senda gurau tidak dapat dielakkan. Setiap perkara



yang diajarkan sentiasa ada dihubungkaitkan dengan pelbagai perkara. Saya lebih rasa terkesan sebagai pendidik dan pembimbing lebih daripada sebagai seorang guru apabila ada kalanya mereka tersasul memanggil saya ‘ibu’ atau ‘ustazah’ semasa di dalam kelas. Disebabkan saya selalu dianggap sebagai ‘ibu’, ‘ustazah’ atau ‘kakak’, saya orang pertama yang terasa begitu sedih atau kecewa jika ada pelajar saya yang ditangkap kerana masalah disiplin kerana terasa seperti belum cukup menyemai nilai-nilai positif dan membimbing mereka.

Selalu juga saya terasa lebih muda apabila kami keluar makan atau berlatih untuk pelbagai persembahan atau pertandingan. Ada pelajar yang akan menegur saya seperti ‘Hi, Chickkkkk....gu’. Dengan pengalaman sedemikian, kadang kala terasa rindu pada para pelajar timbul semasa cuti sekolah yang panjang.

– ‘Sumpah’ Cikgu, ‘Sumpah’ Keramat –

Setelah berbelas tahun menuntut di beberapa buah sekolah, jasa guru-guru Bahasa Melayulah yang paling terkesan dalam diri saya. Cara mereka menyentuh jiwa setiap anak bangsalah yang berjaya membentuk diri saya pada hari ini.

Terima kasih, Cikgu Ibrahim kerana ‘sumpahan’ Cikgu dahulu. Sumpahan Cikgu menjadi! Terima kasih pelajar-pelajar Cikgu (Sekolah Victoria, 2002-2009) kerana menjadikan Cikgu seorang insan yang mengenal erti kesabaran, pengorbanan dan memberi dengan keikhlasan serta menjadikan Cikgu seorang yang lebih tenang dan bersyukur dengan apa yang ada.


***Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah/CI)***

Saya pasti, kita masih lagi ingat jasa guru-guru yang telah meninggalkan kesan mendalam dalam kehidupan kita, termasuklah guru-guru Bahasa Melayu kita.

Mereka bukan hanya mengajar kita kemahiran berbahasa Melayu, bahkan juga mendidik kita dengan nilai dan budaya masyarakat Melayu untuk membina jati diri dalam konteks masyarakat majmuk Singapura.

Mereka sering mengingatkan kita akan peribahasa “hidup kayu berbuah, hidup manusia biar berjasa”.

*- Dr Yaacob Ibrahim
Anugerah Guru Arif Budiman 2008*



Noraishah Bte Mostapa Sekolah Menengah Siglap

Pendidikan:	Diploma In Education (1992/1993) Bachelor Of Arts (Education) (2003)
CCA:	Siglap Nusantara Orchestra (Angklung, Kulintang & Gamelan))
Kegemaran:	Membaca & menonton wayang
Sumbangan:	Bengkel Portfolio Bakal Guru Kanan Mengendalikan Bengkel Guru Berkemahiran Mengarjuran Bengkel PETALS Perkongsian "Redesigning Pedagogy International Conference" (NIE)
Penghargaan :	Finalist for President Awards For Teachers(2006) Outstanding Siglap Teachers Award (2007) Outstanding Contribution Award ML 2007 Outstanding Contribution Award (CCA) 2007

- Kepuasan Kerjaya -

Pengalaman saya sebagai guru sememangnya tidak dapat saya lupakan sejak saya mula mengajar pada bulan Mac 1993. Sepanjang tempoh 16 tahun itu, pengalaman ini telah sedikit sebanyak mengajar saya supaya menjadi lebih teguh, yakin dan berani mengharungi apa jua rintangan dan cabaran yang mendatang demi membolehkan saya menjadi seorang guru yang lebih efektif. Pengalaman mengajar ini juga memberi saya kepuasan yang sukar untuk diluahkan dengan kata-kata, terutama tatkala melihat para pelajar saya beroleh kejayaan yang cemerlang. Diharapkan bukan sahaja kejayaan akademik yang diraih, tetapi juga mereka dapat menjadi seorang insan yang menyumbang kepada negara, bangsa dan agama.

- Sumbu Kepada Pelajar -

Saya sungguh terharu menerima kiriman warkah pelajar (surat, kad selamat hari guru mahu pun kad hari raya) dari penjara mahu pun dari pusat pemulihan akhlak (*Girls Home / Boys Home*). Kiriman surat mereka ini menaikkan semangat saya bahawa ***Nasihat Guru Umpama Pelita Menyinari Masa Depan***. Kata-kata yang keluar dari mulut kita sebagai guru ternyata mampu menggerakkan minda dan menyentuh nurani pelajar kita yang membolehkan mereka bertindak sewajar dan sebijaknya walaupun mereka pernah tersilap langkah sebelumnya.

– Unggun Yang Sentiasa Membara –

Ya... tidak dapat dinafikan bahawa tugas guru sesungguhnya memang mencabar terutama sekali semasa berdepan dengan pelajar alaf ke-21 ini, satu zaman yang sungguh canggih dan moden. Dengan konsep dunia tanpa sempadan dan dasar angkasa terbuka, dunia kelihatan sungguh kecil dan kita menjadi lebih kerdil. Namun, dengan kehadiran kemajuan teknologi maklumat yang tidak terbatas, peranan kita menjadi lebih mencabar. Meskipun berdepan dengan cabaran yang rencam, sebagai guru, kita perlu lebih bersifat anjal agar dapat bergerak selari dengan peredaran zaman. Dari zaman menggunakan papan tulis dan kapur, kita telah beranjak ke era pembelajaran yang berkonsepkan **Teach Less Learn More**. Kini, guru bertindak sebagai pemudah cara dan pelajar diharapkan bersikap lebih aktif dan kreatif di samping celik IT. Meskipun segala-galanya telah berubah, namun roh dunia perguruan ini akan tetap sama seperti semasa zaman bahari.

Sebagai guru Bahasa Melayu, kita bukanlah sekadar mengajar bahasa tetapi juga perlu mendedahkan para pelajar kita dengan adat dan budaya Melayu. Ini dilakukan agar para pelajar ini dapat mengenal makna Melayu sebenar dan dapat menyuntik nilai-nilai jati diri anak Melayu dalam hati mereka. Jangan sampai Melayu mereka hanya sekadar pada kad pengenalan sahaja.

Setiap tahun, saya mengadakan sesi lawatan ke luar negara kerana saya percaya dengan berwidywawisata, para pelajar saya dapat menimba banyak ilmu dan pengalaman yang luas kerana **Jauh Perjalanan Luas Pandangan**. Antara tempat-tempat yang pernah kami lawati termasuklah Semenanjung Malaysia, Sarawak, Jogjakarta dan Surabaya.

– Kekentalan Iltizam –

Saya percaya bahawa tenaga, jasa dan pengorbanan guru masih diperlukan dan tidak mungkin dapat digantikan dengan kehadiran apa jua peralatan walau bagaimana canggih sekali pun. Sentuhan guru bagi sentuhan listerik – dapat menyelinap ke dalam sanubari dan emosi para pelajar yang sekaligus akan menghasilkan pelbagai reaksi positif daripada pelajar demi memperoleh kejayaan bagi mengharungi masa depan yang sukar diramalkan. Oleh yang demikian, saya sungguh yakin dengan dua cogan kata yang sentiasa menjadi pegangan saya sebagai guru: **Guru Bijak Melahirkan Generasi Cemerlang** dan **Guru Bijak Mengajar, Pelajar Akan Bijak Belajar**.

Kejayaan seseorang bukan bergantung pada kebesaran dan kekayaannya sahaja, melainkan pada kebolehannya menyelenggarakan pekerjaan-pekerjaan orang ramai.

*- Keris Mas,
Sumpah Seorang Peon*

Elina Bte Abdul Rashid

Maktab Rendah Temasek

Pendidikan:	Sekolah Rendah Balestier Sekolah Menengah Perempuan Cedar Maktab Rendah Anderson Sarjana Muda, NUS, 1989 Diploma Pendidikan di Institut Pendidikan, 1990.
CCA:	Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu
Kegemaran:	Mengikuti perkembangan dunia menerusi media dan Internet, beraerobik, bersenam dan menonton
Sumbangan:	Seminar BM anjuran MLU, CPDD 1997-1998 JJK Guru-Guru BM Kelompok 2 Zon Barat 1999-2003 Pengerusi Peraduan Kuiz Bahasa Zon Barat Menganjurkan Program Lawatan ke 'Farmstay' Penyampaian dan Penolong Program Kolaborasi Maktab dengan Madrasah Wak Tanjong bermula tahun 2006 Menganjurkan Program Perkhemahan Motivasi di Desaru Ketua Guru Elektif bagi Asal-usul dan Migrasi Orang Melayu untuk Program Elektif Pelajar TA - 2007 Menganjurkan Program Penyerapan Elektif TA dan Pengayaan BM ke Tanjung Pinang - 2007



- Gagasan Pengajaran -

Pembelajaran berhasil apabila keperluan pelajar dipenuhi berdasarkan kemampuan yang dimiliki pelajar. Pengajaran pula berhasil dalam suasana pembelajaran yang ditetapkan oleh kehendak pelajar berdasarkan kemampuan pengajar. Malah, potensi pelajar itu boleh dimaksimumkan kakitangan pendidik dengan adanya pengertian mendalam berhubung **keperluan, kehendak** dan **kemampuan** pelajar itu.

Bersandarkan gagasan ini, saya berusaha mengenal pasti kemahuan pelajar terlebih dahulu di samping mendapatkan kepastian sama ada dia bersedia memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti agar strategi pencapaian pelajar itu dapat dilakarkan secara bersama. Dengan teknik sedemikian, pelajar akan dengan sendirinya mengetahui tahap keupayaannya dan mudah bagi dia menyesuaikan bahan pengajaran yang telah disampaikan. Ini termasuk pemilihan pelajar berhubung pendekatan-pendekatan yang telah saya ajukan yang boleh diperaktikkan pelajar bagi meningkatkan kelakonan mereka dalam subjek yang diajarkan. Secara tidak langsung, pelajar dipertanggungjawabkan untuk memastikan sejauh mana prestasi yang didambakan untuk mata pelajaran tersebut.

- Belajar Daripada Yang Diajar -

Proses pembelajaran dan pengajaran juga tidak hanya perlu berlangsung dalam situasi yang formal. Setiap kali berhubung dan berinteraksi dengan pelajar adalah penting bagi pendidik untuk menyampaikan apa jua nilai dan juga ilmu kepada pelajar. Ini sebenarnya boleh dilakukan apabila timbulnya kesempatan bersua, bergaul dan berbicara. Berpegang kepada falsafah tersebut, saya berikhtiar untuk memastikan bahawa pelajar mampu menggarap kemahiran-kemahiran tertentu dan nilai-nilai positif selain

pengetahuan dasar, sama ada secara langsung ataupun tidak menerusi apa juu program yang telah dirancang.

Mentelah lagi, jalinan komunikasi yang diwujudkan dengan pelajar pula tidak seharusnya sehala sahaja kerana seorang guru perlu bersikap terbuka bagi mempelajari isu-isu tertentu daripada pelajarnya. Tegasnya, kepekaan yang mendalam ahli pendidik terhadap golongan yang diajarnya akan merangsang persefahaman. Hasilnya, sikap saling hormat-menghormati akan terhasil pada masa yang sama. Lantaran itu, suasana kelas yang berunsur sesi perkongsian sengaja saya wujudkan agar penglibatan saya dan pelajar yang sama-sama bertukar-tukar pendapat akan menghasilkan sesi pembelajaran yang lebih interaktif dan bermakna. Situasi sebegini jelas memudahkan tugas saya sebagai guru yang kini lebih berperanan sebagai pemudah cara dalam sesi pembelajaran.

– Wawasan Hari Muka –

Mutakhir ini, ledakan teknologi maklumat dan pengaruh internet serta arus globalisasi mengharuskan tanggungjawab ahli pendidik menjadi lebih kompleks dan mencabar. Sejakar itu, guru kini semakin berdepan dengan inisiatif baharu dan pembaharuan dalam konteks kurikulum dan pedagogi. Yang pasti, tahap profesionalisme seorang guru itu perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Namun, pernyataan sedemikian sebenarnya lebih mudah diluahkan daripada dilakukan. Maka, ciri positif guru itu yang sedapat-dapatnya diserlahkan bagi pembentukan keperibadian, keterampilan dan kesungguhannya untuk selalu reseptif kepada menerima segala perubahan. Sikap optimistik akan dasar pendidikan secara holistik menjadi pegangan saya untuk sentiasa mencari bahan, ikhtiar dan menambah pengalaman agar tidak kekeringan idea bagi memenuhi matlamat sebagai seorang pendidik.

Pada dasarnya, landskap dunia pendidikan secara keseluruhannya sudah berubah. Keberkesanan, keutuhan dan kejayaan seorang guru kini terletak sejauh mana persepsi masyarakat terhadap keupayaan kita dan bukanlah menjurus kepada keputusan akademik pelajar yang diajar semata-mata. Guru bukan sahaja diperlukan arif dalam bidang subjeknya sahaja, tetapi juga dapat menguasai bermacam-macam kebolehan yang mampu digarap. Dengan kesedaran itu, sebagai seorang guru di maktab rendah, saya memainkan peranan penting bagi melahirkan warganegara yang berpandangan sejagat yang mampu bersaing di pentas dunia, bertindak bijak menghadapi ancaman globalisasi dan merealisasikan kepentingan negara. Tuntasnya, objektif guru akan tercapai seandainya guru itu efektif dan mampu menghasilkan generasi pelapis yang progresif.

Betapa kejahilan dapat memesongkan yang batil menjadi benar. Orang-orang yang rela hidup dalam kejahilan pasti dimurkai Tuhan. Tetapi, orang yang tahu dan tidak bertindak untuk menghapuskan kejahilan itu lebih dimurkai Tuhan.

*-Keris Mas
Rimba Harapan*

Guru Oh! Guru

Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang kakit;
Berguru kepala lang ajar,
Ibarat bunga kembang tak jadi.
(Dedikasi kepada Hari Guru dan guruku tercinta)

Dialah pemberi paling setia
Tiap akar ilmu miliknya
Pelita dan lampu segala
Untuk manusia sebelum menjadi dewasa.

Dialah ibu dialah bapa juga sahabat
Afur kesetiaan mengalirkan nasihat
Pemimpin yang ditauliahkan segala umat
Seribu tahun katanya menjadi hikmat.

Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa
Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta
Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara
Jika hari ini seorang ulama yang mulia
Jika hari ini seorang peguam menang bicara
Jika hari ini seorang penulis terkemuka
Jika hari ini siapa saja menjadi dewasa;
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca.

Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya
Di sebuah sekolah mewah di Ibu Kota
Di bangunan tua sekolah Hulu Terengganu
Dia adalah guru mewakili seribu buku;
Semakin terpencil duduknya di ceruk desa
Semakin bererti tugasnya kepada negara.

Jadilah apa pun pada akhir kehidupanmu, guruku
Budi yang diapungkan di dulang ilmu
Panggilan keramat "cikgu" kekal terpahat
Menjadi kenangan ke akhir hayat.

Usman Awang
1979

Pemenang AGAB 2007

Cikgu Mohd Naim Bin Daipi

Penerima Anugerah Guru Teladan (Sekolah Rendah)

BIDANG TUGAS

1. Meneraju pembangunan kekaryawanan guru
 - 1.1 Menganjurkan demonstrasi pengajaran, sesi perkongsian dan bengkel bagi membantu guru meningkatkan tahap kompetensi dalam pengajaran dan meningkatkan minat untuk membuat kajian
 - 1.2 Memandu guru bagi membangunkan bahan pembelajaran dan pengajaran
 - 1.3 Bekerjasama dengan HODs/SHs/LHs/Co-ordinators bagi meningkatkan minat dalam pembelajaran bahasa Melayu
- 2 Menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang bermula bagi meningkatkan minat dan kemahiran, serta moral para pelajar
- 3 Menggalakkan pembentukan rangkaian guru bagi perkongsian bahan, rancangan pengajaran dan dapatkan kajian



KETERANGAN GAMBAR (Kegiatan 2009) (DARI ATAS)

- 1 Mohd Naim Daipi
- 2 bengkel di sebuah sekolah rendah
- 3 Bengkel di sebuah sekolah menengah
- 4 Ceramah umum untuk pelajar
- 5 Mengetua kumpulan penulis Zoo Singapura
- 6 Mengadakan imbauhan di kelab masyarakat
- 7 Membentang kertas di MABBIM ke-48 (Brunei)
- 8 Mengendali Lelaran Web www.sabuinfo.my
- 9 Meneraju Rangkaian Guru Kanan BM
- 10 Menghadiri Seminar BM di Beijing

"Mengajar sebenarnya seni untuk membantu penemuan"

Pemenang AGAB 2007

Cikgu Ishak Bin Abdul Latiff

Penerima Anugerah Guru Teladan (Sekolah Menengah)



Perkembangan Terkini:

Saya telah berpindah ke Sekolah Kesenian Singapura (SOTA) pada Januari 2008. Di SOTA saya diberi tugas menggubal kurikulum BM berpandukan program International Baccalaureate (IB). Suatu tugas yang amat mencabar namun saya cuba usahakan sepenuh jiwa. Saya juga telah banyak berkongsi bersama pelajar-pelajar dan guru-guru di merata pulau ini tentang bidang pengkaryaan. Antara sekolah-sekolah yang telah diadakan sesi tersebut ialah NIE/NTU dan Institusi Raffles. Saya juga telah berkongsi pedagogi bersama guru-guru BM semasa Seminar BM 2008 & 2009. Pada tahun lalu juga saya telah menjadi salah seorang wakil Singapura dalam acara MASTERA 2008 Pertemuan Penulis Nusantara di Bogor, Indonesia. Pada akhir tahun 2008, saya telah menerbitkan buku antologi cerpen yang kedua yang berjudul "Rona-Antologi Cerpen Ishak Latiff". Yang terkini, saya telah dipilih untuk menjadi pengadil bagi peraduan "Projek Cerpen 2" yang dianjurkan oleh Suria dengan sokongan MOE dan MLLPC.



Pemenang AGAB 2007

Cikgu Elmi Zulkarnain Bin Osman

Penerima Anugerah Guru Perangsang (Sekolah Rendah)

Pada tahun 2008, saya telah berkongsi inisiatif ICT di peringkat sekolah, kelompok, nasional dan di luar negara. Saya juga menyertai satu program penyerapan ke Kuala Lumpur. Selain itu, saya telah membawa sekumpulan murid berdamawisata sambil beramal ke Pahang. Saya juga telah menerima Anugerah Guru Inovasi Lenovo.



Pada tahun 2009 pula, saya telah menyandang portfolio tambahan sebagai Ketua Subjek Pendidikan Nasional dan Pendidikan Sosial. Saya telah berkongsi projek, program dan kajian pendidikan di peringkat nasional sebanyak 3 kali setakat ini. Saya ditugaskan menjadi pengkaji utama *Lesson Study* yang berjudul 'Perkasa Bahasa Berakar Sastera'. Buat masa ini, saya sedang sibuk mempergiat usaha menggabungkan puisi dan ICT dalam strategi prototaip, 'PoetICT'.



Pemenang AGAB 2007

Cikgu Nur Ashikin Bte Sapri

Penerima Anugerah Guru Perangsang (Sekolah Menengah)

Pendedahan kepada bahasa Inggeris semakin meluas. Guru Bahasa Melayu perlu berasa terpanggil untuk membentuk satu paradigma baharu dengan menjadi agen bahasa yang berkemahiran dan intelektual yang transformatif.



Dengan keadaan tuntutan ekonomi dan pencapaian akademik yang meningkat, guru Bahasa Melayu perlu mengubah orientasi motivasi pelajar terhadap Bahasa Melayu yang selalunya bersifat integratif kepada instrumental yang lebih bersifat pragmatik. Guru memainkan peranan penting dalam memupuk pelajar berkembang dalam bentuk syumul.

Kepelbagaiannya dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan memanfaatkan minat dan bakat pelajar dapat mewujudkan sikap positif dalam kalangan pelajar hari ini. Minat dan semangat pelajar BM perlu dikobarkan untuk membentuk keadaan negara yang berwawasan dengan masyarakat dwibahasa yang fungsional.



*Jikalau menuntut engkau mendapat
Terpujilah engkau dunia akhirat
Berhimpun sekalian handai dan sahabat
Mana yang jauh bertambah dekat*

*Jikalau dapat ilmu yang teguh
Engkau amalkan bersungguh-sungguh
Tertutup pintu neraka yang tujuh
Teranglah jalan seperti bersuluh*

*Jikalau terang jalan ke mati
Baharulah kamu bersuka hati
Kepada Tuhan engkau terpuji
Mendapatlah engkau syurga tertinggi*

- Sedutan endoi Siti Fatimah

Pemenang AGAB 2008

Cikgu Salina Hussin

Penerima Anugerah Guru Perangsang (Sekolah Rendah)



Setelah diberi anugerah ini, saya berasa bahawa antara tanggungjawab terberat yang perlu saya pikul adalah untuk memupuk sikap mencintai bahasa Melayu dalam kalangan pelajar saya. Tanggungjawab ini saya kongsikan bersama-sama guru baharu apabila saya menjadi mentor mereka. Kini, saya juga sedang berusaha untuk mendapatkan segulung ijazah dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu. Keterlibatan saya dalam dunia pedagogi termasuklah berada dalam JK Prototaip PERI dan telah bekerjasama dengan 2M dalam rentak cilik. Banyak sesi perkongsian yang saya telah turut terlibat, antaranya Wisata Ilmu dan Pembacaan Bersama. Perkongsian ini dilakukan bersama-sama lebih kurang 500 guru tadika.

Buat masa yang terdekat, saya sedang dalam proses menghasilkan buku cerita Taman Burung Jurong. Saya juga bakal berkongsi dengan guru-guru lain mengenai Pembelajaran Berpusat dan juga mengenai strategi pedagogi yang boleh digunakan. Satu lagi sesi perkongsian, Penilaian Secara Holistik (PERI) akan juga diadakan.

Nasihat

Hidup adalah berjuang
Rajin adalah perangsang
Kalau sekali kecundang
Jangan suka menyalahkan orang

Ingatlah:

Malas kelesa, kekecewaan
Jimat cermat,kekayaan
Sifat boros menuju kepapaan
Bekerja sambil lewa,
kekalahan



Pemenang AGAB 2008

Cikgu Mohd Khir Mohd Sapuan

Penerima Anugerah Guru Teladan (Sekolah Rendah)

Buat masa kini, saya sedang menjalankan tiga buah projek kelompok Barat 3; Kajian Tindakan, Rangka Kerja PETALS dalam Pengajaran BM dan Pendekatan Budaya dalam Pengajaran BM yang melibatkan 10 buah sekolah. Hasil projek ini akan dikongsi bersama dengan guru-guru di HAKIM 2009 (Cluster West 3 Learning Fest) pada bulan Oktober 2009 nanti. Para peserta Kajian Tindakan dibimbing oleh pemudah cara dan Encik Wan Imran Bin Mohd Woodjy, pengetua Sekolah Rendah Boon Lay Garden penasihat kepada kumpulan sokongan Bahasa Melayu Kelompok 3.



Pada bulan April lalu, Lembaga Pengurusan Kelompok Barat 3 telah memilih saya untuk menganggotai Jawatankuasa Eksekutif Guru-Guru Kanan Zon Barat. Kumpulan ini berwawasan menyediakan wadah untuk pembangunan guru-guru kanan dan adi guru. Saya rasa ini peluang baik bagi saya menyumbangkan sesuatu kepada kekaryawanan perguruan dan saya ingin menggunakan pendedahan ini untuk meningkatkan kecekapan saya.

Terima Kasih. Bahasa Jiwa Bangsa.



Pemenang AGAB 2008

Cikgu Abdul Malek Bin Ahmad

Penerima Anugerah Guru Teladan (Sekolah Menengah/JC)



Setelah dikurniakan anugerah ini, saya berasa bahawa tanggungjawab saya semakin besar dan mencabar. Penganugerahan ini tidaklah bermakna saya boleh berehat daripada meneruskan perjuangan yang telah saya ceburi hampir dua dasawarsa ini.

Sering saya bertanya kepada diri saya: Mampukah saya memikul tanggungjawab tambahan? Lantaran itu, telah terpati di dalam jiwa saya, khidmat saya akan sentiasa dihulurkan kepada mereka yang memerlukannya.

Di sekolah, banyak acara yang telah dianjurkan bersama guru dan pelajar. Antaranya Pertandingan Pidato yang diadakan setiap tahun untuk peringkat menengah dan pra-universiti. Perkhemahan Pantun dianjurkan buat kali pertama dan sambutan yang diberikan amatlah menggalakkan.

Di peringkat kesatuan pula, selain menjalankan tugas sebagai Setiausaha Agung KGMS, banyak acara yang telah dianjurkan. Antaranya ceramah bulanan Sembang Cendekia, Ceramah Cendekia dan Ceramah Kesihatan. Buat diri saya, selagi kudrat ini diberikan untuk berkhidmat, selagi itulah khidmat akan dihulurkan, insya-Allah. Wallahu alam.



Pemenang AGAB 2008

Cikgu Sazali Sahri

Penerima Anugerah Guru Teladan (Sekolah Menengah)



Perkembangan Terkini:

Tahun 2008 dan 2009 merupakan tahun-tahun yang hebat kerana banyak platform tersedia untuk guru dan murid bagi pembelajaran dan 'penerokaan' melalui banyak program yang dilaksanakan dengan rancaknya. Platform pengembangan bahasa diasah dengan terlaksananya Peraduan Boggle (Millenia Institute), Peraduan Penulisan (RI), Deklamasi Sajak Kreatif (NUS) dan pelbagai pencapaian bagi pihak BPGHS.

Bengkel Perkongsian Profesional seperti Bahasa Melayu Lanjut dan Bicara Sastera sudah dijalankan. Pementasan Teater Klasik (NADIM: Visi & Misi) di Dewan Budaya Politeknik Republik pada 12/7/09 yang mendapat liputan hangat Berita Harian baru-baru ini mencipta suatu kepuasan dalam diri para pelajar dan saya secara peribadi kerana dapat merakamkan hasil penyelidikan sejarah dan menggembungkan pelajar sastera dan pelajar Program EMAS melangkah setapak lagi untuk memahami-mengalami-menghayati bahan sastera dan dipentaskan di hadapan khalayak dengan penggunaan bahasa Melayu baku.



Guruku

buku-buku yang tak habis dibaca
di almari senget berhabuk,
nama-nama pengarang dari dunia aneh
tertampal pada kulit dan tulang,
tebal nipis kertas pemikirannya
semuanya adalah guru setiaku.

guruku ialah
peminta sedekah yang sabar
atau licik
yang menyeret aku ke dunianya
dengan air muka atau anaknya
dan menggugat kesedaranku.

guruku ialah
anak kecil yang terus menanya
walaupun jawapannya
tak pernah memuaskan,
bayi yang sesak dengan kehidupan
di otot dan paru-paru baru

guruku ialah
musuh yang menunggu kesempatan
yang mengaturkan supaya aku kalah,
kata keras dari pemidato yang menyusun nada
seperti tangga naik

guruku ialah pemikir sepi
yang meniadakan masa remajanya
dengan kerja,
kawan-kawan yang dikehjar jawatankuasa,
penyair yang mematangkan bangsanya,
kekasih yang sedia memahami keanehan.

Muhammad Hj Salleh
1996

Penghargaan

Tetamu Terhormat Puan Grace Fu, Menteri Negara Kanan (Pembangunan Negara dan Pendidikan)

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu

Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad

Lee Foundation

Majlis Ugama Islam Singapura

Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud

Sirius Marine Pte Ltd

Siti's Delights

Guru-guru Pelatih Institut Pendidikan Nasional

Maktab Rendah Tampines

Sekolah Menengah Xinmin

Sekolah Rendah Loyang

Gendang Akustika

Cikgu Karmin Bin Abbas

dan kepada mereka yang telah sama-sama menjayakan majlis ini.

Kalau kita tak tahu menari, kita belajar sekarang; kalau tak tahu menyanyi, kita carikan guru; kalau tak tahu bersilat, kita menuntut. Berhadapan dengan apa sahaja, jangan sekali-kali lari dan menyerah kalah. Nanti rakyat dan anak cucu kita berkata: Hilang sepuluh tinggal senam, rupa-rupanya emas tak baik.

- Noordin Hassan
Sirih Bertepuk Pinang Menari (1992)



Sepanjang AGAB 2007



Sepanjang AGAB 2008



Sendiri

Sesungguhnya
mereka tak mengerti:
betapa getaran bunyi
yang mengiring warna-warni
menari-nari
dalam kemesraan dwi seni;
betapa luahan spontan
mendandan kepekaan halaman.

Terhumban seniman
dari kumpulan cendekiawan
lantas menyendirikan
di tasik sepi
menikmati sisik air
yang berlari-lari ke tepi,
mencari inspirasi.

Memang mereka tidak mengerti:
betapa ketenangan rasa kepekaan
terkocak oleh lontaran
yang menggugat kegigihan
menghambat keghairahan
seniman yang menghasilkan ciptaan
di sepanjang jalan pengalaman

Namun,
seniman yang terhumban
tidak ketandusan azam
tidak kehilangan pegangan

Demi lagu seni
terpercik warna-warni pelangi
bersama dendangan kecapi puisi
sebagai wadah

curahan madah
lintasan indah
anugerah Allah

Hanya Yang Maha Mengetahui
mengerti keupayaan diri

Dengan kudrat Islahi
pemberi akal dan budi
terhasil daya cipta

SENDIRI

Aliman Hassan
21/Okt/1991

Sendiri

Karya ini, cantuman nurani calitan berus dan puisi, telah dihadiahkan kepada Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura oleh pengkaryanya, Sasterawan Negara Cikgu Haji Aliman Hassan pada tahun 1991.

Karya ini dipisih untuk menghias kulit buku cenderahati AGAB 2009 kerana seni artistik yang terdapat pada lukisan ini difikirkan sesuai sebagai penyeri buku. Lebih penting lagi, sajak *Sendiri* karya Cikgu Aliman ini mencerminkan ketekalan diri seorang pendidik yang berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran, yang biasanya akan dihadapi secara sendirian. Pendidik bak seniman yang bersendirian menghadapi kocakan dan lontaran, yang kadang kala akan menggugat kegigihannya untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya. Juga kadang kala akan membuat si pendidik bertanya: Berbaloikah pengorbananku ini? Namun, jauh di sudut nurani kudusnya, dia tega dengan segala cabaran yang mendatang kerana hasratnya untuk membina jati diri insan yang insani akan terus membara.

Dwi seni merupakan peribadi seorang guru, iaitu sebagai pendidik yang juga seorang manusia, makhluk yang penuh kekurangan. Di sinilah, kadangkala kebitaraan itu terdapat kesamaran. Jeritan hati seorang pendidik hanya dapat didengar oleh halwa telinga teman sepermainan. Seniman pendidik tidak pernah minta disanjung apatah lagi dijulang. Tidak pernah termimpikan pingat dan kejora. Namun, demi lagu seni, demi menghasilkan tunas-tumas harapan watan, pendidik akan teruskan yuda membasmi kedaifan. Dengan kudrat yang dikurniakan inilah, dengan wilmana ilmu sebagai serapah, wawasan bangsa dijunjung di atas jemala.

- Ali Hanifiah -

Autograf